

15/08/2004

WTC tidak sunyi dengan cerita hantu

GROUND Zero ada hantu? Itulah antara perkara yang diperkatakan mengenai bekas tapak Pusat Dagangan Dunia (WTC) di Big Apple yang ranap dirempuh pesawat oleh penganas pada 11 September 2001. Kesempatan melihat tapak yang mungkin menjadi kenangan Osama Bin Laden itu semalam, membawa seribu makna.

Tetapi ketika orang ramai berpusu-pusu saban hari ke situ yang berdekatan dengan bangunan Pusat Kewangan Dunia (WFC), timbul cerita kononnya tapak WTC tidak pernah 'sunyi' terutama pada waktu malam. Menurut ceritanya, ada suara ghaib seperti orang sembahyang, ada bunyi seperti orang menggali lubang, bunyi budak menangis atau bayangan manusia berjalan-jalan, pada hal tiada siapa berada di tapak itu pada waktu malam.

Kononnya, ada seorang lelaki mirip wajah Osama berjalan tanpa memijak tanah. Rupanya, Mat Salleh pun suka bercerita mengenai hantu dan mungkin semua cerita itu direka. Penulis sendiri tidak melihat sebarang keanehan, tak tahulah pada waktu malam tetapi kawasan itu terang benderang.

"Di sini amat menakutkan pada waktu malam," kata seorang peniaga di bangunan berdekatan. Bagaimanapun katanya, belum ada kejadian yang tidak diinginkan berlaku di bekas tapak WTC itu yang kini sedang dibina bangunan baru.

Seorang kenalan penduduk tempatan New York yang membawa penulis ke situ, Janes Zinos, pula berkata cerita hantu itu mungkin direka untuk menarik perhatian orang ramai tetapi beliau tidak menolak kemungkinan pelbagai kejadian aneh di situ pada waktu malam atau siang.

"Di sini bakal menyaksikan bangunan tertinggi di dunia dan mungkin siap dalam tempoh 10 tahun lagi. Kita akan mengatasi Menara Berkembar Petronas di Malaysia. Jika anda tidak mahu kalah, binalah beberapa tingkat lagi bangunan Petronas," katanya sambil berlawak.

Saya terus meminjam penjelasan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa Menara Berkembar milik kita itu masih tertinggi di dunia walaupun sudah diatasi oleh bangunan terbaru di Taiwan, kerana ia adalah satu-satunya bangunan berkembar tertinggi setakat ini.

Janes cuma tersenyum dan terpaksa mengaku kalah kerana bangunan baru yang bakal dibina menggantikan WTC itu cuma satu bangunan, yang kerja asasnya kini sudah bermula. Tidak jauh dari bekas tapak WTC itu, terletak ibu pejabat akhbar Wall Street Journal.

Sebenarnya, nama Osama Bin Laden dan rangkaian al-Qaeda begitu popular di Amerika Syarikat. Penyanyi Jamal Abdillah, jika ingin ke Amerika, akan menghadapi masalah jika membawa bersama anaknya bernama Osama dan pasti kena siasat di lapangan terbang.

Hakikatnya, rakyat Amerika Syarikat kini amat takut kepada penganas dan sesetengahnya takut pada bayang-bayang Osama atau al-Qaeda. Dengar saja berita kononnya serangan penganas akan berlaku lagi sama ada di Washington atau New York, pihak berkuasa bagaikan panik.

"Rakyat New York kini memang takut kepada penganas dan kami turut menyiarkan berita yang berkaitan dengan keganasan," kata Bob Port, wartawan penyiasatan akhbar tabloid popular, New York Daily News.

Kini, masyarakat di New York gempar dengan berita skandal seks Gabenor New Jersey, Jim McGreevey yang mengumumkan peletakan jawatannya kelmarin setelah mengaku gay.

Akhbar tempat Port bekerja, menyiarkan berita itu di muka depan semalam bertajuk: "Gov and his love" (Gabenor dan kekasihnya) dan memetik sumber

sebagai berkata bahawa gabenor itu mempunyai teman lelaki bernama Golan Cipel, 31, rakyat Israel.

"Kita terpaksa menghubungi sumber di Israel bagi mendapatkan maklumat malam tadi (kelmarin)," kata Port. McGreevey adalah wakil rakyat parti Demokrat dan mempunyai dua anak yang dikatakan menerima ugutan daripada Cipel untuk mendedahkan kisah mereka jika dia tidak membayar sejumlah wang.

Stesen televisyen di New York bagaikan berlumba-lumba mendapatkan `breaking news" (berita menggemparkan) itu kelmarin dan pengumuman serta pengakuan McGreevey disiarkan secara langsung oleh beberapa stesen TV. Isterinya kelihatan selamba saja berdiri di sebelahnya itu.

Ketika berita menggemparkan masyarakat New York itu, penulis berada di stesen televisyen popular tempatan, CBS 2.

"Saya terpaksa minta diri dan keluar kerana ada `breaking news' untuk dikendalikan dengan segera," kata Penerbit Berita Penyiasatan stesen itu, Ronni Rothbart.

Itu adalah antara peristiwa menarik di New York sekarang iaitu bandar raya metropolitan yang serba canggih tetapi masih boleh dibolosi Osama.

Meminjam kata-kata Mas, pelajar Akademi Fantasia - "macam-macam ada" di Big Apple ini. Malah macam-macam undang-undang ada. Jika seseorang membawa anjing berjalan-jalan, dia boleh dikenakan kompaun AS\$100 (RM380) jika tidak membersihkan tahi anjingnya itu di atas jalan raya.

Sememangnya New York adalah kota yang segala-galanya ada dengan ribuan deretan pusat beli-belah dan sentiasa "hidup" berbanding Washington.

Anda boleh pergi ke Times Square atau Lebuhraya Broadway untuk membeli pelbagai jenis barangan terutama fesyen pakaian berjenama terkini.

"New York kini bagaikan mengatasi Paris untuk pakaian fesyen yang berjenama," kata seorang peniaga di Times Square.

(END)